



IKLAN DALAMAN KEKOSONGAN JAWATAN TETAP STAF PENTADBIRAN SIRI 2/2026

Staf Universiti Sains Malaysia (USM) & Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM) yang berkecualan adalah dipelawa memohon jawatan berikut:

- 1. JURUTERA J9**
- 2. PUSTAKAWAN S9**
- 3. SETIAUSAHA PEJABAT N5**

SYARAT-SYARAT UMUM PERMOHONAN JAWATAN KOSONG (JAWATAN TETAP)

Syarat-syarat umum untuk permohonan jawatan di USM adalah seperti berikut;

1. Disahkan dalam perkhidmatan.
2. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan: **markah purata Laporan Penilaian Prestasi (LPP) tahunan bagi tiga (3) tahun terakhir adalah minimum 85%** – markah yang diambil kira ialah **LPP Tahun 2022, 2023 dan 2024**.
3. Markah **LPP tahun terakhir (2024) adalah minimum 85%**.
4. Diperaku oleh Ketua Jabatan.
5. Bebas daripada hukuman tatatertib, Ombudsman dan Arahan Perbendaharaan 59 (AP59) – semakan diuruskan oleh urus setia.
6. Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa – pemohon dikehendaki membuat pengisytiharan harta melalui CampusOnline menggunakan aplikasi EHarta.
7. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) – semakan diuruskan oleh urus setia.

MAKLUMAN PENTING

1. Permohonan ini akan dianggap terbatal sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar dan palsu.
2. Permohonan yang tidak memenuhi syarat -syarat lantikan skim perkhidmatan tidak akan diproses.
3. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.
4. Pihak Universiti berhak untuk menentukan penempatan bagi calon-calon yang berjaya mengikut keperluan dan kepentingan perkhidmatan calon.
5. Universiti berhak untuk tidak melantik calon ke jawatan berkenaan jika tiada calon yang layak.

TATACARA PERMOHONAN JAWATAN

1. Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem *2Elevate* dengan melengkapkan maklumat Pengakuan Pemohon.
2. Pemohon hendaklah mengemaskini perisytiharan harta melalui *CampusOnline* menggunakan aplikasi EHarta.
3. Permohonan bagi siri 2/2026 dibuka mulai **25 Februari 2026 sehingga 10 Mac 2026**.

MAKLUMAN KEPADA KETUA JABATAN (KJ)

1. Ketua Jabatan akan menerima makluman permohonan jawatan oleh staf Pelaksana.
2. Ketua Jabatan perlu melaksanakan penilaian naratif dan MyTalent apabila menerima e-mel makluman daripada sistem *2Elevate*.